


FALSAFAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kepentingan Bahasa Arab



Bahasa Arab di Malaysia mula dikenali sejak datangnya Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Bahasa Arab dipelajari demi memahami agama Islam menerusi sumber wahyu al-Quran dan al-Hadith. Pembelajaran dan pengajaran bahasa ini masih berjalan sehingga hari ini kerana minat mendalam masyarakat tempatan menekuni agama Islam dan memperbaiki amalan ibadah serta keinginan berkomunikasi dengan masyarakat Arab. Bahasa ini berbeza dengan bahasa lain di dunia kerana ia dipilih sebagai bahasa wahyu dari ilahi dan mempelajarinya adalah satu ibadah dan menjadi fardu kifayah. Barangsiapa yang menekuni bahasa Arab dan membacanya dengan baik ketika membaca al-Quran maka ganjaran dan pahala buatnya di sisi Allah. Ia bukan sekadar bahasa tetapi satu terapi jiwa bagi yang menekuni bahasa ini dari pelbagai aspek fonologi, sintaksis, morfologi, leksikografi dan balaghah. Satu pendekatan yang mengintegrasikan pembelajaran bahasa Arab dengan kandungan al-Quran turut diperlukan. Penggunaan ayat al-Quran sebagai bantu dalam pengajaran bahasa Arab telah lama diiktiraf sebagai pendekatan yang autentik dan berkesan, khususnya dalam bidang nahu dan balaghah. Sehubungan itu, pendekatan pedagogi yang memusatkan al-Quran sebagai medium utama berupaya meningkatkan kefahaman dan keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan bahasa Arab secara lebih berkesan dalam konteks agama dan kehidupan.

FALSAFAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Falsafah Pendidikan Islam di negara ini menekankan **penyepaduan** dalam penyampaian ilmu yang boleh membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah agar menjadi manusia yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi demi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al- Hashr, ayat 21:

﴿لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جِبِلٍ لَرَأَيْتُهُ خَائِسًا مُنْصَدِّعًا مِنْ حَشْيَةِ اللَّهِ وَتَأْكُلُ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾ [الحشر: ٢١]


Kalau sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan ketakutannya kepada Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.

Dalam dunia pendidikan, pengajaran adalah satu bentuk **pemudahcara** yang bertujuan memberi maklumat dan pengalaman baru kepada pelajar. Melalui pengajaran sesuatu ilmu pengetahuan dan kemahiran dapat disampaikan kepada pelajar secara langsung dan formal. Sistem pendidikan samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa mempunyai sistem pengiktirafan khas bertujuan memastikan kualiti perkhidmatan pengajaran terjamin dan memenuhi kehendak masyarakat serta boleh ditambahbaik menurut keperluan semasa.

Pengajaran Bahasa Arab yang Berkesan



Falsafah ini selari dengan hasrat UniSZA yang telah memperkenalkan sebuah model dikenali sebagai FlexS. Model ini didefinisikan sebagai satu gagasan yang membantu warganya berhadapan dengan cabaran dalam mengurus corakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21). FlexS turut digarap bagi menyokong usaha melahirkan graduan holistik yang cemerlang akademik dan berjiwa luhur.



(Sumber: https://comaei.unisza.edu.my/flexs/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=61&Itemid=1096&lang=ms)

Falsafah pengajaran dan pembelajaran yang terbina haruslah berinspirasikan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang merujuk kepada strategi, teknik dan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang. Pembelajaran melalui kaedah ini terbukti amat bermanfaat kerana ia dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus.

Pengetahuan Tentang Budaya dan Dunia Fizikal atau Sebenar	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus kepada keterlibatan pelajar dalam mengupas isu-isu besar, meruncing dan bersifat kontemporari
Kemahiran Intelektual dan Praktikal	<ul style="list-style-type: none"> • Merentas kurikulum secara berperingkat melalui pengendalian projek atau kes yang mencabar dan penggunaan standard pentaksiran berdasarkan prestasi
Tanggungjawab Kendiri dan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Disangkutkan dengan penyertaan aktif dalam komuniti yang yang penuh dengan kepelbagaian dan cabaran dunia nyata
Pembelajaran Bersepadu dan Gunaan	<ul style="list-style-type: none"> • Diserahkan melalui penggunaan pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri kebertanggungjawaban dalam menyelesaikan masalah kompleks dan situasi baharu

(Sumber: https://drive.google.com/file/d/1VGs1z-UBi0_iaK2mfidxob48QE6fGrBd/view)

Selain itu, falsafah pengajaran dan pembelajaran juga perlu selari dengan aspirasi Transformasi Program Akademik Universiti Awam yang telah membangunkan Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (FRC). Kerangka ini bersifat boleh lentur dan organik (fluid and organic) bagi melahirkan graduan yang adaptif terhadap keperluan masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21.

KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN

ELEMEN	Struktur Kurikulum Organik dan Boleh Ubah <i>(Fluid and Organic Curriculum Structure)</i>	Penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif <i>(Transformative Teaching and Learning Delivery)</i>	Pentaksiran Alternatif <i>(Alternative Assessment)</i>
SUB ELEMEN	<ul style="list-style-type: none"> • Disiplin Berbentuk Konvergen, Multi Disiplin / Inter Disiplin / Trans Disiplin • Fleksibel Dan Bukan Konvensional • Perkongsian Industri • Global 	<ul style="list-style-type: none"> • Pedagogi Abad Ke-21 (Heutogogy, Paragogy, Cybergogy) • Ruang Pembelajaran Yang Futuristik • Teknologi 4.0 Dalam Pembelajaran • Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Secara Mendalam 	<ul style="list-style-type: none"> • Autentik • Pencapaian • Keperibadian • Bersifat Bersepadu • Kontemporari • Masa Nyata (<i>Real Time</i>) • Berasaskan cabaran • Profil

(Sumber: https://www.ukm.my/pengajaran/?page_id=2671)

TEORI DAN MODEL FALSAFAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia adalah satu bentuk usaha memartabatkan Bahasa Al-Quran sebagai Bahasa agama Islam. Pengajaran bahasa haruslah menumpukan strategi:

1. Pembelajaran berpusatkan **pelajar**.
2. Pensyarah sebagai **pemudahcara** dan **pembimbing**.

Pengajaran bahasa memerlukan penglibatan aktif pelajar di dalam kelas. Guru haruslah **berjiwa besar** menerima pandangan dan cadangan dari pelajar. Guru harus sentiasa bersedia menukar medium pengajaran yang sesuai mengikut perkembangan pelajar dan keperluan mereka dan tidak memaksa pelajar mengikut gaya mereka bahkan mengalakkan strategi pembelajaran yang pelbagai.

Dalam usaha menuntut ilmu, pelajar dan guru harus saling **menghormati**. Pembelajaran berbantuan **teknologi** pada masa kini, tidak harus meminggirkan rasa hormat pelajar kepada guru, bahkan menambah rasa **ihsan** pada mereka yang berusaha menjadikan seorang manusia kepada seorang insan.

Struktur Pengajaran Bahasa Arab

